



## **ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (AKIPP) 2022**

### **SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH PENGAJARAN TRANSFORMATIF**

#### **DEFINISI PENGAJARAN TRANSFORMATIF**

Transformasi kaedah pengajaran sama ada dalam bentuk syarahan secara interaktif atau tanpa syarahan. Kategori ini memberi fokus kepada kaedah pengajaran bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan dan pencapaian pembelajaran pelajar. Kaedah pengajaran syarahan secara interaktif atau tanpa syarahan yang telah berjaya mentransformasikan pengendalian sesuatu kursus secara efektif dan interaktif terutamanya ke atas keterlibatan dan pembelajaran aktif pelajar (*active learning*). Kaedah yang digunakan terbukti mencapai sekurang-kurangnya satu hasil pembelajaran (*learning outcome*).

#### **OBJEKTIF ANUGERAH**

Anugerah ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran syarahan secara interaktif atau tanpa syarahan yang telah berjaya mentransformasikan pengendalian sesuatu kursus secara efektif, terutamanya ke atas keterlibatan dan pembelajaran aktif pelajar.

#### **SYARAT PERMOHONAN**

1. Permohonan terbuka kepada individu / kumpulan individu\*.
2. Hanya satu (1) penyertaan setiap individu / kumpulan individu.
3. Kaedah transformasi pengajaran tidak pernah memenangi anugerah ini sebelum ini.

\*Ahli kumpulan tidak boleh terdiri daripada ahli Jawatankuasa Penilai AKIPP 2022

## KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan dalam bentuk projek/inisiatif memikir dan mereka bentuk semula pendidikan tinggi akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut untuk kedua-dua sub-kategori:

- i. Rasional;
- ii. Pendekatan;
- iii. Keterlibatan pelajar; dan
- iv. Impak/Keberkesanan projek

Rasional (10%)	Apakah motivasi & isu/permasalahan utama yang menggerakkan pemikiran dan reka bentuk semula?
Pendekatan (40%)	Apakah pendekatan/pemikiran dan reka bentuk semula yang digunakan?
Keterlibatan Pelajar (20%)	Bagaimana pelajar terlibat dalam pengalaman pembelajaran bermakna?
Impak/Keberkesanan Projek (30%)	Apakah impak utama projek ke atas pencapaian pembelajaran pelajar?